



29 Disember 2017  
29 December 2017  
P.U. (A) 449

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN  
(PERKIRAAN PENENTUAN HARGA AWAL)  
(PINDAAN) 2017

*INCOME TAX (ADVANCE PRICING ARRANGEMENT)  
(AMENDMENT) RULES 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN  
(PERKIRAAN PENENTUAN HARGA AWAL) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(eb) dan (ec) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Perkiraan Penentuan Harga Awal) (Pindaan) 2017.**

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

**Kaedah baharu 23**

2. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Perkiraan Penentuan Harga Awal) 2012 [P.U. (A) 133/2012] dipinda dengan memasukkan selepas kaedah 22 kaedah yang berikut:

**“Fi dan bayaran lain**

23. (1) Pembayar cukai hendaklah membayar—

(a) berkenaan dengan suatu permohonan untuk perkiraan penentuan harga awal di bawah kaedah 5—

(i) fi permohonan yang tidak boleh dibayar balik berjumlah lima ribu ringgit yang hendaklah disertakan dengan permohonan itu; dan

(ii) apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; dan